

Belanjawan 2002 guna pendekatan baru pulih ekonomi

UM 9 OCT 2001

KUALA LUMPUR 8 Okt. — Pembentangan Belanjawan 2002 pada 19 Oktober ini akan menyaksikan banyak pendekatan baru untuk membantu memulihkan ekonomi negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, pendekatan itu mengambil kira kesan kelembapan ekonomi dunia sejak awal tahun ini dan juga kesan-kesan serangan pengganas di Amerika Syarikat pada bulan lalu.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan mengakui, tidak semua masalah yang ada akan dapat diatasi tetapi tujuan utama pendekatan itu adalah mengurangkan kesan kemelesetan ekonomi ke atas negara.

Beliau menjelaskan, semasa kerajaan membentangkan peruntukan tambahan pada Belanjawan 2001 sebelum ini, kerajaan tidak

menjangka ekonomi AS akan merosot dengan begitu teruk dan begitu juga dengan serangan pengganas di AS.

Katanya, kejadian itu telah mengubah senario ekonomi negara dan dunia, sehingga memaksa kerajaan mengambil tindakan untuk mengatasi masalah yang timbul dan sudah tentunya, ia akan berpanjangan sehingga tahun depan.

Dr. Mahathir berkata: "Tetapi tahun depan, kita mempunyai peluang dalam Belanjawan 2002 untuk membuat peruntukan yang menyusuli segala pertambahan peruntukan yang dibuat.

"Jadi saya yakin proses perbelanjaan untuk memulih ekonomi negara bukanlah satu proses yang berhenti pada penghujung tahun saja, ia akan diteruskan," kata beliau.

Beliau berkata demikian

ketika menjawab soalan tambahan Ronald Kiandee (BN-Beluran) mengenai peruntukan tambahan yang diumumkan kerajaan untuk memulih ekonomi negara hanya bersifat *pain-killer effect* di Dewan Rakyat, hari ini.

Terdahulu, kepada soalan asal Ronald, Perdana Menteri menegaskan asas ekonomi Malaysia tetap kukuh dengan tekanan inflasi dan indeks harga pengeluar (PPI) adalah rendah.

"Ini bermakna Malaysia masih menjadi sebuah negara yang bersaing. Rizab luar negara sehingga 29 September 2001 terus kukuh yang berjumlah AS\$29.7 bilion (RM112.86 bilion) mampu membiayai 4.6 bulan import tertangguh," katanya.

Perdana Menteri berkata, kadar pertumbuhan tahun ini dijangka lebih rendah daripada paras 7

peratus yang diramalkan semasa pembentangan Belanjawan 2001, dan hanya lima hingga enam peratus dalam semakan Mac 2001.

"Kadar pertumbuhan yang terbaru akan diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2002 pada 19 Oktober ini.

"Sekali lagi saya ingin meyakinkan Dewan yang mulia ini dan rakyat Malaysia bahawa kerajaan akan terus berusaha memastikan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat adalah terjamin," katanya.

Kerajaan tegas beliau, berupaya dan mampu menghadapi serta mengatasi krisis baru ini tetapi usaha kerajaan sendiri tidaklah mencukupi, sebaliknya setiap rakyat juga perlu memainkan peranan masing-masing.